

D777

U B021 BAH  
MAHATHIR

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 9.20 MALAM INI)  
KUALA LUMPUR, 8 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYERU RAKYAT TERUTAMA UMAT ISLAM MEMERANGI PENGHASUT DAN PENGHALANG YANG MELEMPARKAN FITNAH YANG BOLEH MELEMAHKAN PENERIMAAN NILAI-NILAI ISLAM SEBAGAI PANDUAN DAN PEGANGAN HIDUP.

PERDANA MENTERI BERKATA UMAT ISLAM PADA ZAMAN INI BANYAK MENGHADAPI CABARAN YANG SANGAT MENDESAK DAN KELEMAHAN MEREKA DIEKSPLOITASIKAN SEPENUHNYA OLEH MEREKA YANG INGIN MEMECAH-BELAHKAN DAN MENGUGAT KETAHANAN MASYARAKAT ISLAM.

DALAM PERUTUSAN HARI RAYA AIDIL FITRI MENERUSI RADIO DAN TELEVISYEN (RTM) MALAM INI, BELIAU BERKATA HASRAT MUSUH ISLAM MUDAH TERCAPAI KERANA NEGARA ISLAM PADA KESELURUHANNYA BANYAK BERGANTUNG KEPADA NEGARA-NEGARA YANG MEMPUNYAI MUSUH ISLAM.

NEGARA ISLAM YANG MEMBANGUN JUGA TIDAK TERLEPAS DARIPADA MENJADI SASARAN ITU, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BERUSAHA MENGHADAPI CABARAN ITU DAN DENGAN KONSEP KORBAN AJARAN ISLAM SERTA KESEDARAN DAN KEINSAFAN RAKYAT, MASALAH ATAU CABARAN ITU AKAN DAPAT DIATASI. - LAGI

1526MST 08 06 86

D779

U B022 DEB  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BELIAU JUGA BERKATA, EKONOMI NEGARA KINI MULAI MENUNJUKKAN TANDA-TANDA AGAK MENGGALAKKAN DAN PERMINTAAN UNTUK BARANG-BARANG KELUARAN KILANG ELEKTRONIK MULA BERTAMBAH DENGAN PELUANG PERKERJAAN DALAM SEKTOR ITU SEMAKIN CERAH.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENGINGATKAN PARA PEKERJA TIDAK MUDAH TERPENGARUH DENGAN DENGAN BAYANGAN PENDAPATAN YANG LEBIH DALAM JANGKA PENDEK SEHINGGA MENJEJASKAN NASIB DALAM JANGKA PANJANG.

BELIAU BERKATA BARANGAN UTAMA YANG PENTING BAGI EKONOMI NEGARA MASIH MENGHADAPI PASARAN LEMBAB DAN KERAJAAN SEDANG MELAKUKAN SEGALA-GALANYA UNTUK MENGATASI MASALAH AKIBAT KEJATUHAN HARGA ITU.

+ KITA HARUS INGAT BAHAWA YANG PENTING IALAH KOS PENGELUARAN HENDAKLAH LEBIH RENDAH DARIPADA HARGA JUALAN DAN INI MEMERLUKAN KECEKAPAN PENGURUSAN DAN PENINGKATAN DAYA PENGELUARAN OLEH PARA PEKERJA.+

+ TIDAK ADA GUNANYA KITA MENGELUH MENGAPA PELABUR TIDAK DATANG KE NEGARA KITA, TETAPI LEBIH BAIK KITA MENGENALPASTI KELEMAHAN KITA DAN MENGATASINYA,+ KATA PERDANA MENTERI. - LAGI

1532MST 08 06 86

D780

U B023 DEB  
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYERU UMAT ISLAM MENGENAL DAN MENGINSAFI PAHIT MAUNG YANG MENJADI KELAZIMAN BAGI MEREKA YANG TIDAK BERKEUPAYAAN AGAR MEREKA AKAN LEBIH BERSIMPATI DAN MUDAH MENJALANKAN KERJA-KERJA KEBAJIKAN.

BELIAU BERKATA AGAMA ISLAM AKAN DIHORMATI DAN LEBIH DIMULIAKAN JIKA MASYARAKAT ISLAM SENTIASA BERKEINSAFAN DAN SERING BANTU-MEMBANTU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH DAN SELAMAT HARI RAYA KEPADA PARA ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN YANG BERTUGAS PADA HARI RAYA.

-- BERNAMA

1538MST 08 06 86